

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
TAHUN 2021

---

MODUL1

**PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU**

KERTAS 2

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

(dikemas kini pada 16 /11/2021 )

---

### **SOALAN 1: MORFOLOGI**

a) Kata yang menerima imbuhan apitan

1. pembelajaran
2. kebiasaan
3. kebanyakan
4. pelaksanaan
5. pergerakan
6. pelaporan
7. pengajaran
8. mengalami
9. mengikuti
10. menghadiri
11. menyebabkan
12. melengkapkan

b) Kata yang menerima imbuhan akhiran

1. golongan
2. kejutan
3. kawalan
4. bebanan
5. talian
6. tekanan

**( 8 markah)**

### **SOALAN 2 : SINTAKSIS**

- i. Ayat penyata
- ii. Ayat seruan
- iii. Ayat perintah
- iv. Ayat Tanya

**( 4 markah)**

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

Kesalahan	Pembetulan
1. kuat	besar/penting
2. binaan	pembinaan
3. pekertinya	pekerti
4. pada	kepada
5. komonikasi	komunikasi
6. atas talian / atau pun	dalam talian / ataupun
7. Mutahir	Mutakhir
8. masa kini	masa ini
9. semakin hari makin	semakin hari semakin / makin hari makin
10. batas	batasan
11. menjemput	mengundang

( 11 markah)

**SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

1- Setelah siang, orang-orang kaya itu pun datang menghadap raja untuk mengadu berkaitan kecurian malam tadi.

(1 markah)

2- Baginda berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “ Wahai Temenggung, tidakkah tuan hamba menyuruh orang berkawal tadi?”

(2 Markah)

3- Lalu Temenggung bersembah, “Daulat tuanku Syah Alam, patik telah menyuruh orang berkawal semalam, namun tiada seorang pun yang berjumpa. Orang-orang hamba pun berasa pelik/hairan akan kebolehan penjurit/penjahat/pencuri itu”

(3 Markah)

**SOALAN 5 PERIBAHASA**

1. Bersatu teguh bercerai roboh/ sepatak membawa berkat/ bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat
2. Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
3. Menang jadi arang kalah jadi abu

( 6 markah)

## BAHAGIAN B

### SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

- i) Maksud memperkukuh pendidikan ialah memantapkan/ **memperkasa** ilmu / pengetahuan.

( 2 markah)

- ii) Kepentingan membaca kepada seseorang individu merujuk **Bahan 1** ialah:
- mudah ke arah berpendidikan tinggi
  - memangkin dan memperkukuh pendidikan seseorang
  - membawa pembaca ke dimensi berbeza.
  - melatih daya imaginasi kreatif serta perkembangan emosi EQ pembaca.
  - membawa pembaca menerokai pengalaman maya yang mungkin tidak dapat dirasai dalam kehidupan sehariannya.
  - mencanangkan perspektif alternatif untuk melihat dunia melalui kaca mata yang berbeza.

Kepentingan membaca kepada seseorang individu merujuk **Bahan 2** ialah

- memberikan keluasan kefahaman dan pengetahuan tentang sesuatu perkara baharu
- membina ruang pembelajaran sepanjang hayat kepada pembaca

[3 markah]

- iii) Pada pendapat saya, faktor yang menyebabkan masyarakat kurang mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan ialah:

- sikap malas
  - pengaruh teknologi (telefon pintar, permainan video, *tik tok, instragram, twitter, facebook*)
  - kurang galakan daripada ibu bapa/ahli keluarga
  - kempen galakan membaca yang kurang berkesan/ proaktif
  - kekangan masa akibat kesibukan bekerja
  - terdedah pada hobi -hobi baharu
- (terima mana-mana pendapat yang relevan)*

(isi cukup : 2 isi)

(Maksimum 3 markah)

- iv) Tindakan yang akan saya lakukan untuk memberi kesedaran kepada rakan saya ialah
- Menasihatinya dengan ikhlas dan berhemah tentang kesan negatif penggunaan telefon pintar secara berlebihan.
  - Meluahkan perasaan dengan jujur tentang sikapnya yang semakin berubah.
  - Mengajaknya mencuba hobi/ aktiviti baru yang lebih berfaedah.
  - Memberitahu ibu bapanya tentang sikapnya
  - Mendoakannya supaya berubah.
- ( terima mana-mana jawapan yang relevan)

**( isi cukup : 3 isi)**

**( 4 markah)**

### **SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA**

- i) Berdasarkan Bahan 2, maksud menangkis tohmahan ialah menolak/menepis anggapan buruk/prasangka/fitnah/tuduhan.
- (2 markah)**
- ii) Berdasarkan semua bahan, tanggungjawab rakyat dalam mempertahankan kemerdekaan negara ialah :
- menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa sendiri.
  - rakyat harus memupuk jati diri, saling memahami antara satu sama lain, mematuhi rukun negara
  - bersatu dalam menyelesaikan masalah.
  - berani berjuang menangkis tohmahan
  - mengukuhkan ukhwah
  - mengelakkan pertelingkahan
  - mempertahankan kedaulatan watan/ tanah air daripada musuh
  - memupuk jati diri
  - sayang akan negara
  - bersatu untuk menyelesaikan masalah
  - bertoleransi
  - mematuhi Rukun Negara

**( isi cukup : 3 isi)**

**( 4 markah)**

iii) Aktiviti yang boleh dijalankan di sekolah :

- mengadakan pertandingan berkaitan kemerdekaan (contoh: melukis poster kemerdekaan, pertandingan teater, kuiz dan nyanyian lagu patriotik)
- menjalankan kempen mengibarkan bendera di setiap kelas dan bangunan.
- mengadakan sambutan hari kebangsaan peringkat sekolah.
- menjemput tokoh pejuang kemerdekaan ( setempat) untuk menyampaikan ceramah.

( isi cukup : 2 isi)  
( 3 markah)

iv. Ciri-ciri kepimpinan:

- Berakhlak mulia (cth: bertanggungjawab, amanah, ikhlas)
- Bijak menyelesaikan masalah
- Berpengetahuan dan berpendidikan
- Mahir berkomunikasi
- Mempunyai visi dan misi yang jelas
- (*terima jawapan lain yang relevan*)

( isi cukup : 3 isi)  
( 4 markah)

**Soalan 8 (i): NOVEL**

- Cara tangan nenek yang bekerja tidak teratur.
- Pinggan diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya.
- Sudu dan gelas diletakkan di dalam belanga.

(4 markah)

**Soalan 8 (ii) : NOVEL**

Peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

**Jendela Menghadap Jalan**

1. Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang menjadi mangsa penculikan di sebuah pondok usang.

- Alasan : Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana Danel sanggup merisikokan keselamatan dirinya demi semangat setiakawan yang tinggi.

2. Peristiwa Lili memaafkan perbuatan Haziq dan Rafik yang menculiknya.

- Alasan : Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana sikap Lili yang pemaaf dan sanggup memaafkan kesalahan mereka.

3. Peristiwa : Peristiwa Haziq dan Rafik dibelasah oleh ayahnya ketika di rumah Che Jah. Kedua-dua mereka mengalami kecederaan.

- Alasan: Peristiwa ini menyentuh pembaca apabila memikirkan kesengsaraan yang dihadapi oleh adik-beradik itu sejak kecil.

4. Peristiwa keluarga Danel menghentikan khidmat rawatan perubatan tradisional dengan datuk.
  - Alasan : Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana usaha datuk mempertahankan perubatan tradisional semakin tidak dihargai.

### **Songket Berbenang Emas**

1. Peristiwa: Peristiwa nenek menuduh Dahlia membawa masuk lelaki ke rumahnya ketika ketiadaan ibu bapanya.
  - Alasan : peristiwa ini menyentuh hati kerana Dahlia seorang gadis yang baik namun menerima tuduhan yang tidak berasas daripada neneknya. Dahlia juga sabar dengan tuduhan neneknya. Dahlia tidak melawan dan tetap menghormati neneknya.
2. Peristiwa: Peristiwa ketika Dahlia mencari ibunya yang hilang di kebun getah. Pada ketika itu ibunya sedang bercakap seorang diri di dalam kebun getah tersebut ketika hari hampir senja.
  - Alasan: Peristiwa ini menyentuh perasaan pembaca apabila memikirkan situasi sukar yang perlu dihadapi oleh seorang anak muda seperti Dahlia.
3. Peristiwa Dahlia yang sanggup terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said, namun dia dituduh sebagai penyebab kematian Said
  - Alasan : Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana tindakan Dahlia yang sanggup merisikokan nyawanya menyelamatkan Said sebaliknya dia dituduh sebagai penyebab kematian Said.
4. Peristiwa Nek Kiah ingin menjual tapak rumah yang didiami oleh Dahlia dan keluarga.
  - Alasan : Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana Nek Kiah sanggup menganiaya darah dagingnya sendiri sedangkan Nek Kiah telah maklum akan kesusahan yang menimpa keluarga Dahlia.

( 6 markah)

## **SOALAN 9 : Rumusan**

**Markah penuh 30 dibahagi kepada**

- (a) Isi maksimum - 20 markah**
- (b) Bahasa maksimum - 10 markah**

### **Isi**

i- Panduan Pengiraan patah perkataan

Perkataan berikut sikira sebagai satu perkataan sahaja

- Nama khas
- Perkataan berganda
- Penggunaan kata sendi di dan ke
- Tarikh
- Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- Gelaran
- Penanda wacana

ii- Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.

iii-Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

iv- Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan

v- Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua focus dan semua bahan ialah 8 isi sahaja.

### **Pendahuluan**

1- Rumusan membincangkan kelebihan/ kebaikan/manfaat dan punca/faktor pelajar bekerja sambilan.

(2 markah)

2- Rumusan membincangkan kelebihan/ kebaikan/manfaat pelajar bekerja sambilan.

(1 markah)

3- Rumusan membincangkan punca/faktor pelajar bekerja sambilan.

(1 markah)

### **Bahan 1**

#### **Fokus 1 (Kelebihan bekerja sambilan)**

1-dipercayai mampu membentuk personaliti yang menarik.

2-akan lebih matang dalam menguruskan diri.

3-akan lebih bijak membahagikan masa.

4-dapat membakar semangat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.



## **Fokus 2 (faktor pelajar bekerja sambilan)**

- 1-menambahkan pendapatan / membantu meringankan beban kehidupan keluarga.
- 2-terdorong untuk hidup mewah
- 3-desakan hidup
- 4-mengikut gaya hidup semasa

## **Bahan 2**

### **Fokus (Kelebihan bekerja sambilan)**

1. Tidak perlu bergantung kepada orang lain
2. Hidup berdikari
3. Tidak perlu menanggung beban hutang.

## **Penutup**

1- Kesimpulannya, pelajar yang bekerja sambilan perlu bijak membahagikan masa agar tidak mengabaikan pelajaran.

(2 markah)

2- Kesimpulannya, pelajar perlu bijak membahagikan masa ketika bekerja sambilan.

(1 markah)

<b>Panduan</b>											
Bahagian	Bilangan isi	Bilangan isi diterima									Markah isi maksimum
Pendahuluan		Fokus 1 dan fokus 2									2
<b>Bahan 1</b>											
Fokus 1	4	3	3	3	3	2	2	2	1	1	16
Fokus 2	4	4	3	2	1	4	3	2	4	3	
<b>Bahan 2</b>											
Fokus 1	4	1	2	3	4	2	3	4	3	4	16
Jumlah isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
Penutup		Tema + cadangan + harapan									2
Jumlah markah											30

## Bahasa

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	8-10 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kesenambungan ayat sangat baik.</li><li>- Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat,</li><li>- ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li><li>- Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li><li>- Pengolahan sangat menarik dan berkesan.</li></ul>
Baik	5-7 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kesenambungan ayat baik.</li><li>- Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat,</li><li>- ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li><li>- Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat.</li><li>- Pengolahan masih menarik dan berkesan</li></ul>
Sederhana	3-4 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kesenambungan ayat kurang baik.</li><li>- Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu.</li><li>- Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat.</li><li>- Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.</li></ul>
Lemah	1-2 markah	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li></ul>

### NOTA:

- Jika menjawab dalam bentuk point / fakta markah bahasa ialah di peringkat lemah.
- Jika markah isi 7 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- Jika markah isi 6 markah ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Markah Bahasa :10 markah]

### SKEMA JAWAPAN TAMAT